

Harga barang naik, jangan marah kami: Peniaga

SHAH ALAM - Persatuan peniaga membayangkan kenaikan harga barang tidak dapat dielakkan susulan kenaikan kadar tol di beberapa lebuh raya bermula Khamis lalu.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPKM), Datuk Mohamad Mahmood berkata, ini kerana kenaikan tol sehingga 80 peratus mempengaruhi kos peniaga.

"Kenaikan (harga barang) ini memang tak dapat dielakkan. Jangan marah kalau peniaga naikan harga sebab kita juga cari makan.

"Sebelum ini pun kami dah banyak terjejas dengan GST dan banyak lagi perkara yang tak diselesaikan oleh kerajaan. Bukan rakyat saja menderita, peniaga pun sama," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mulai 15 Oktober lalu, 12 syarikat konsesi lebuh raya mengenakan kadar baharu bagi laluan tol hampir kebanyakannya di Lembah Klang.

Susulan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainuddin berkata, peniaga tidak

wajar menggunakan alasan kenaikan kadar tol menaikkan harga barang sesuka hati.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kenaikan tol dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dianggap sebagai tidak wajar.

"Kerajaan tidak boleh naikan tol ketika rakyat berdepan pelbagai kos sara hidup. Rakyat juga terperanjat kerana kita anggap tiada lagi sebarang kenaikan masa terdekat.

"Dengan nilai ringgit dan ekonomi yang jatuh, kebanyakan perniagaan merosot. Peniaga sudah lama bertahan dan terpaksa cari alasan naikan harga," katanya.

Menurut beliau, GPPKM juga disalahkan peniaga seluruh negara kerana dianggap tidak berbuat sesuatu membantu mereka.

"Kami sudah dapat banyak rungutan daripada peniaga sejak harga tol naik. Jadi kami akan berbincang dengan persatuan peniaga di setiap negeri untuk cari penyelesaian.

"Memandangkan GPPKM di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), kami juga akan membawa isi kepada menteri," katanya.